



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:

(A)100-4/10 Jld.4 (161)

Tarikh :

11 Januari 2021

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 2 TAHUN 2021 PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran **BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021**.

2. LATARBELAKANG

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 11/2020 bertarikh 31 Disember 2020. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. KAEDAH PEMBAYARAN

- 3.1 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM600 akan dibayar secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) serentak dengan gaji bulan Januari 2021. Bayaran dibuat hanya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2021.



“SABAH MAJU JAYA”

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 2 TAHUN 2021 11 Januari 2021

3.2 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian,bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2021 tetapi layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021, Jabatan hendaklah menyedia input Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 melalui Sistem e Pay A3 dan menghantar input mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. Input Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 boleh dihantar mulai bulan Februari 2021 (INPUT GAJI BULAN MAC 2021) tertakluk kepada Jadual Penghantaran Input Bulanan (Lampiran 1, PBNS Bil. 11/2020).

4. KOD BAYARAN / POTONGAN

4.1 Kod bayaran / potongan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
15106	405	BKK 2021	BANTUAN KHAS KEWANGAN 2021
15106	566	TBKK 2021	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS
15106	767	BLBKHAS	KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS TAHUN SEMASA
29306	406	BKK2021VT	BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021 VOT TERBUKA
29306	567	TBKK2021VT	TUNGGAKAN BAYARAN KHAS VOT TERBUKA
29306	768	BLBKKT	KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS VOT TERBUKA TAHUN SEMASA

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada semua Kementerian/Jabatan dibawah SGP termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.
- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada setiap anggota masing-masing adalah teratur dan mematuhi peraturan PPNS Bil. 11/2020. Perhatian hendaklah diberi kepada pegawai yang tidak layak menerima Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana dikenakan tindakan tatatertib pada tahun 2021 atau mendapat surat pertuduhan daripada Pihak Berkuasa Tatatertib. Selanjutnya pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula hendaklah mematuhi PPNS Bil. 11/2020.
- 5.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 yang telah dibayar jika berlaku salah bayaran. Pelarasan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji bulan Mac 2021.

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 2 TAHUN 2021

11 Januari 2021

- 5.4 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon virement atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

6. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

- 6.1 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 (BKK) kepada PSH akan dibayar berskali dengan gaji Januari 2021 berpandukan kepada senarai nama PSH yang terdapat dalam Sistem Upah Harian (SUH)
- 6.2 Pihak Jabatan perlu menyediakan dan mengemukakan baucer bayaran am sebelum atau pada **10 Februari 2021**. Bagi Jabatan yang dibayar melalui Jabatan Bendahari, baucer tersebut hendaklah diluluskan di peringkat Jabatan.
- 6.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan PSH memenuhi syarat iaitu masih berkhidmat pada 25 Januari 2021 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuatkuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Salinan borang JBN.04 tahun 2021 hendaklah dikepilkan bersama sebagai sokongan yang melayakkan PSH berkenaan diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021.
- 6.4 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada PSH di Jabatan masing-masing kerana tidak mematuhi tarikh yang ditetapkan di para 6.2 ataupun mendapat teguran kerana terdapat PSH yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kerana tidak memenuhi syarat seperti di para 6.3.

7. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemosykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saran melalui telefon 088 - 368516.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 2 TAHUN 2021 11 Januari 2021

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian, Jln Tasik
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, PPNS
88400 KOTA KINABALU
u.p : Puan Norainie binti Matali
Puan Rafidah Binti Ali Hassan
Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos
Encik Wan Ahmad Hazwan Bin Ahmad Suhaini